

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

HST 222 – Kepulauan Asia Tenggara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bandingkan kesan-kesan kemasukan Sepanyol di Kepulauan Filipina pada abad yang ke-16 dengan kemasukan Belanda di Kepulauan Hindia Timur pada abad yang ke-17.
2. Sejauhmanakah agama merupakan suatu faktor yang penting dalam perhubungan kuasa-kuasa Eropah dengan negeri-negeri tempatan di Kepulauan Filipina dan Kepulauan Hindia Timur?
3. Bincangkan kesan-kesan dasar ekonomi Jose Basco Vargas di Kepulauan Filipina dan dasar ekonomi Johannes van den Bosch di Kepulauan Hindia Timor Belanda?
4. Jelaskan kenapa ciri-ciri kesedaran politik sudah wujud pada pertengahan abad ke-19 di Kepulauan Filipina manakala ini dikesan di Kepulauan Hindia Timor Belanda hanya pada abad ke-20.
5. Bandingkan Revolusi Filipina pada 1896 dengan Pemberontakan Parti Komunis Indonesia pada 1927/28.
6. Mengapakah Amerika Syarikat bercampurtangan dalam hal ehwal negara Filipina selepas kerajaan Sepanyol berjaya diruntuhkan oleh bangsa Filipina?

7. Pendudukan Jepun merupakan satu malapetaka bagi rakyat Filipina sebaliknya dianggap sebagai rahmat dari Tuhan bagi bangsa Indonesia. Bincangkan.
8. Amerika Syarikat rela mengurniakan kemerdekaan kepada Kepulauan Filipina pada Julai 1946 manakala Belanda tidak mengiktiraf kemerdekaan Indonesia pada Ogos 1945. Ulaskan.

--oo000oo--